

07/12/1998

Perbuatan hasut pelajar keterlaluan

Azman Mahmood

PERSATUAN Kaunselor Kelantan (PKK) menyifatkan guru yang menghasut pelajar supaya membenci kerajaan adalah golongan tidak memahami erti kemerdekaan negara yang diperjuangkan rakyat.

Pada masa yang sama, mereka sebagai guru sudah tidak menghargai jasa dan peranan guru sebelum ini yang turut memperjuangkan kemerdekaan tanah air daripada penjajahan Inggeris.

Golongan guru seperti ini perlu segera insaf dan sedar agar tidak cuba memecah belah kecintaan rakyat terhadap negara dengan memperalatkan pelajar.

Presidennya, Ahmad Termizi Musa berkata, tindakan sesetengah guru menggunakan pelajar supaya membenci kerajaan adalah tindakan keterlaluan dan mereka sudah tidak lagi menghormati diri mereka sendiri sebagai pendidik.

Menurutnya, perbuatan itu bercanggah dengan peraturan dan bidang yang mereka ceburi sebagai pendidik untuk memberi ilmu pengetahuan dan pelajaran kepada anak bangsa.

"Justeru guru yang menghasut pelajar agar membenci kerajaan tidak boleh diterima kerana perbuatan itu amat keji.

"Guru-guru seperti ini perlu insaf kerana perbuatan mereka bukan saja merosakkan pemikiran anak-anak tetapi juga bercanggah dengan peraturan perguruan," katanya kepada Berita Harian, di Kota Bharu semalam.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan ada ibu bapa dan guru menimbulkan kebencian kepada kerajaan serta pemimpin dengan menghasut kanak-kanak.

Menurutnya, mereka terbabit menunjukkan gambar beliau (Perdana Menteri) kepada kanak-kanak dan memberitahu orang semacam ini patut 'dipancung' kepalanya.

Berikutan itu, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak berkata kementeriaannya memandang berat perbuatan itu dan akan mengambil tindakan tegas terhadap guru terbabit.

Ahmad Termizi yang juga Guru Kaunselor Sekolah Menengah (SM) Kubang Kerian Satu, berkata pihaknya tidak teragak-agak mengambil tindakan sewajarnya mengikut peraturan yang ada terhadap guru yang menjadi ahli PKK jika didapati terbabit dengan perbuatan negatif itu.

Katanya, guru tidak sepatutnya terbabit dengan sebarang kegiatan bercanggah dengan kerjaya pendidik kerana tanggungjawab mereka penting untuk melahirkan masyarakat berilmu.

"Jika mereka memahami tugas guru yang sebenarnya sudah pasti mereka tidak melakukan perbuatan seperti itu kerana ia jelas cuba merosakkan pemikiran kanak-kanak ketika usia mereka masih muda.

"Saya harap guru-guru yang terbabit dengan kegiatan itu segera berhenti melakukannya kerana kerjaya guru adalah kerjaya mulia di sisi agama dan ia tidak patut dicemarkan hanya kerana terpengaruh dengan keadaan semasa," katanya.

(END)